

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KUALA TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA TUNTUTAN MUTA'AH

SAMAN NO: _____ 2018

ANTARA

**NAMA PLANTIF
KP: 6666-66-66**

PLAINTIF

DENGAN

**NAMA DEFENDAN
KP: 6666-66-66**

DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Plaintiff di dalam kes ini, NAMA PLAINTIF KP: 6666-66-66 berumur 24 tahun yang tinggal di alamat 3612 Kampung Melur Dahlia, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu yang boleh di talian telefon bernombor 010-9000000. *(Satu salinan Kad Pengenalan Plaintiff dilampirkan sebagai Lampiran A).*
2. Plaintiff tidak bekerja.
3. Defendan dalam kes ini adalah NAMA DEFENDAN KP: 6666-66-66 berumur 33 tahun yang tinggal di alamat 123, Kampung Pelanduk, 20100 Kuala Terengganu yang boleh dihubungi melalui talian telefon bernombor 0111-2222222.
4. Defendan bekerja sebagai juru pendawaian elektrik dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM3500.
5. Plaintiff telah berkahwin dengan Defendan pada 1 Mac 2015 bersamaan di 18 RabiulAkhir 1434H di 3612 Kampung Duyung Besar, 20100 Kuala Terengganu di hadapan Jurunikah dengan Daftar No 51240963 berwalikan Bapa Kandung bernama AAA BIN BBB.
6. Pada, 16 Mei 2017, Plaintiff telah bercerai dengan Responden di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu dan telah disabitkan talak satu kali pertama dengan kebenaran Mahkamah. *(Satu salinan Surat Perakuan Cerai/Perintah Mahkamah dilampirkan sebagai Lampiran B).*
7. Semasa perceraian tersebut berlaku, Mahkamah ini tidak mengeluarkan apa-apa perintah berhubung dengan Muta'ah kepada isteri.

8. Sepanjang tempoh perkahwinan, Plaintiff adalah seorang yang bertanggungjawab kepada suami dan anak-anak dan sentiasa menjalankan tugas sebagai isteri dengan baik serta menjaga kebajikan dan kepentingan suami. Namun, Pemohon telah menceraikan Plaintiff tanpa sebarang sebab atau alasan yang munasabah.
9. Oleh yang demikian, Plaintiff memohon kepada Mahkamah supaya Defendan diperintahkan membayar kepada Plaintiff:

9.1 Mutaah sebanyak RM 10,000.

10. Plaintiff juga memohon agar kaedah bayaran adalah secara terus kepada Plaintiff melalui akaun Maybank Plaintiff No.Akaun: 163019538274. *(Satu salinan Buku Akaun Bank (Maybank) Plaintiff dilampirkan sebagai Lampiran C).*

11. Oleh yang demikian, Plaintiff memohon kepada Mahkamah :

11.1 Mengenakan kos perbicaraan ke atas Defendan.

11.2 Mengeluarkan apa-apa perintah yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

Bertarikh :

.....
Tandatangan Plaintiff

Pernyataan Tuntutan ini difailkan oleh Plaintiff, NAMA PLAINTIF, KP: 666-66-66 beralamat penyampaian 3612 Kampung Melur Dahlia, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu.

LAMPIRAN YANG DIPERLUKAN

1. Dua (2) salinan borang (Pernyataan Tuntutan)
2. Dua (2) salinan borang penyampaian saman di luar bidangkuasa (bagi Defendan yang berada di luar Terengganu/Malaysia)
3. Salinan KP Pemohon (1 salinan).
4. Salinan Surat Permastautinan Pemohon (bagi Pemohon yang alamat KP diluar daerah di negeri Terengganu atau di luar daripada negeri Terengganu) (1 salinan)
5. Salinan Surat Cerai / Perintah Mahkamah (mana yang berkaitan) (1 salinan)